

**MALAYSIA**

**PERANGKAAN PERKHIDMATAN**  
*SERVICES STATISTICS*

**BANCI EKONOMI 2011**  
**PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN**  
*ECONOMIC CENSUS 2011*  
*FOOD AND BEVERAGE SERVICES*



**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
*DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA*

**PUTRAJAYA**



## **KATA PENGANTAR**

Laporan ini memuatkan perangkaan bagi perkhidmatan makanan dan minuman yang merangkumi aktiviti perkhidmatan makanan, katering dan perkhidmatan minuman. Maklumat yang disediakan adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010.

Data yang berkaitan dengan nilai output kasar, input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap diterbitkan dalam laporan ini. Data tersebut digunakan bagi tujuan membuat perancangan pembangunan dan penggubalan dasar serta bagi pengunjuran dan analisis ekonomi oleh kerajaan dan penyelidik.

Laporan ini mengandungi tiga bahagian. Penemuan daripada hasil bancian dibentangkan di bahagian pertama laporan ini. Aspek teknikal seperti objektif, skop dan liputan serta konsep dan definisi yang digunakan dalam banci ini dimuatkan di bahagian kedua laporan. Jadual-jadual perangkaan terperinci dipaparkan di bahagian ketiga bagi membolehkan pengguna membuat analisis.

Jabatan Perangkaan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang kepada laporan ini. Sebarang ulasan dan cadangan daripada para pengguna untuk menambahbaik laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

**DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN**

Ketua Perangkawan

Malaysia

**April 2012**

---

## **PREFACE**

*This report presents statistics on food and beverage services which encompasses food services, event catering and beverage services activities. The information provided here is gathered through the Economic Census conducted in 2011 for reference year 2010.*

*Data pertaining to value of gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets are published in this report. These data are used for planning and policy formulation as well as for economic projection and analysis by the government and researchers.*

*This report consists of three parts. The summary findings of the census is highlighted in the first part of the report. The second part focuses on the technical aspects including the objectives, scope and coverage as well as relevant concepts and definitions used in the census. Detailed statistical tables are included in the third part of the report to facilitate analysis by users.*

*The Department of Statistics would like to express an appreciation to all parties concerned who have contributed towards this report. Comments and suggestions from users for improvement in future reports are greatly appreciated.*

**DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN**

*Chief Statistician*

*Malaysia*

**April 2012**

---

**KANDUNGAN**  
*CONTENTS*

	<b>Muka Surat</b> <i>Page</i>
<b>Kata pengantar</b> <i>Preface</i>	i
<b>Ringkasan penemuan</b> <i>Summary findings</i>	3
<b>Nota teknikal</b> <i>Technical notes</i>	25
<b>Jadual</b> <i>Table</i>	
	<b>Senarai jadual</b> <i>List of tables</i>
 <b>BAHAGIAN 1 : PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN</b> <i>PART 1 : FOOD AND BEVERAGE SERVICES</i>	
<b>1.1 Perangkaan utama perkhidmatan makanan dan minuman mengikut aktiviti, 2010</b> <i>Principal statistics of food and beverage services by activity, 2010</i>	43
<b>1.2 Perangkaan utama perkhidmatan makanan dan minuman mengikut negeri, 2010</b> <i>Principal statistics of food and beverage services by state, 2010</i>	44
<b>1.3 Perangkaan utama perkhidmatan makanan dan minuman mengikut taraf sah, 2010</b> <i>Principal statistics of food and beverage services by legal organisation, 2010</i>	45
<b>1.4 Perangkaan utama perkhidmatan makanan dan minuman mengikut hak milik, 2010</b> <i>Principal statistics of food and beverage services by ownership, 2010</i>	46
<b>1.5 Perangkaan utama perkhidmatan makanan dan minuman mengikut saiz output, 2010</b> <i>Principal statistics of food and beverage services by output size, 2010</i>	47
<b>1.6 Perangkaan utama perkhidmatan makanan dan minuman mengikut saiz pekerja, 2010</b> <i>Principal statistics of food and beverage services by employment size, 2010</i>	48
<b>1.7 Perangkaan utama perkhidmatan makanan dan minuman mengikut saiz harta tetap, 2010</b> <i>Principal statistics of food and beverage services by fixed assets size, 2010</i>	49

	<b>Muka Surat</b> <i>Page</i>
<b>1.8 Bilangan pekerja dan gaji &amp; upah dalam perkhidmatan makanan dan minuman mengikut kategori pekerja, 2010</b> <i>Number of persons engaged and salaries &amp; wages in food and beverage services by category of workers, 2010</i>	50
<b>1.9 Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam perkhidmatan makanan dan minuman, 2010</b> <i>Capital expenditure and value of fixed assets in food and beverage services, 2010</i>	51
<b>1.10 Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan makanan dan minuman mengikut industri, 2010</b> <i>Principal statistics of woman-owned establishments in food and beverage services by industry, 2010</i>	52
<b>1.11 Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan makanan dan minuman mengikut negeri, 2010</b> <i>Principal statistics of woman-owned establishments in food and beverage services by state, 2010</i>	53
 <b>BAHAGIAN 2 : PERKHIDMATAN MAKANAN</b> <i>PART 2 : FOOD SERVICES</i>	
<b>2.1 Perangkaan utama perkhidmatan makanan mengikut industri, 2010</b> <i>Principal statistics of food services by industry, 2010</i>	57
<b>2.2 Perangkaan utama perkhidmatan makanan mengikut negeri, 2010</b> <i>Principal statistics of food services by state, 2010</i>	58
<b>2.3 Perangkaan utama perkhidmatan makanan mengikut taraf sah, 2010</b> <i>Principal statistics of food services by legal organisation, 2010</i>	59
<b>2.4 Perangkaan utama perkhidmatan makanan mengikut hak milik, 2010</b> <i>Principal statistics of food services by ownership, 2010</i>	60
<b>2.5 Perangkaan utama perkhidmatan makanan mengikut saiz output, 2010</b> <i>Principal statistics of food services by output size, 2010</i>	61
<b>2.6 Perangkaan utama perkhidmatan makanan mengikut saiz pekerja, 2010</b> <i>Principal statistics of food services by employment size, 2010</i>	62
<b>2.7 Perangkaan utama perkhidmatan makanan mengikut saiz harta tetap, 2010</b> <i>Principal statistics of food services by fixed assets size, 2010</i>	63
<b>2.8 Bilangan pekerja dan gaji &amp; upah dalam perkhidmatan makanan mengikut kategori pekerja, 2010</b> <i>Number of persons engaged and salaries &amp; wages in food services by category of workers, 2010</i>	64

	<b>Muka Surat</b> <i>Page</i>
<b>2.9 Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam perkhidmatan makanan, 2010</b> <i>Capital expenditure and value of fixed assets in food services, 2010</i>	65
 <b>BAHAGIAN 3 : PERKHIDMATAN KATERING</b> <i>PART 3 : EVENT CATERING SERVICES</i>	
<b>3.1 Perangkaan utama perkhidmatan katering mengikut industri, 2010</b> <i>Principal statistics of event catering services by industry, 2010</i>	69
<b>3.2 Perangkaan utama perkhidmatan katering mengikut negeri, 2010</b> <i>Principal statistics of event catering services by state, 2010</i>	70
<b>3.3 Perangkaan utama perkhidmatan katering mengikut taraf sah, 2010</b> <i>Principal statistics of event catering services by legal organisation, 2010</i>	71
<b>3.4 Perangkaan utama perkhidmatan katering mengikut hak milik, 2010</b> <i>Principal statistics of event catering services by ownership, 2010</i>	72
<b>3.5 Perangkaan utama perkhidmatan katering mengikut saiz output, 2010</b> <i>Principal statistics of event catering services by output size, 2010</i>	73
<b>3.6 Perangkaan utama perkhidmatan katering mengikut saiz pekerja, 2010</b> <i>Principal statistics of event catering services by employment size, 2010</i>	74
<b>3.7 Perangkaan utama perkhidmatan katering mengikut saiz harta tetap, 2010</b> <i>Principal statistics of event catering services by fixed assets size, 2010</i>	75
<b>3.8 Bilangan pekerja dan gaji &amp; upah dalam perkhidmatan katering mengikut kategori pekerja, 2010</b> <i>Number of persons engaged and salaries &amp; wages in event catering services by category of workers, 2010</i>	76
<b>3.9 Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam perkhidmatan katering, 2010</b> <i>Capital expenditure and value of fixed assets in event catering services, 2010</i>	77
 <b>BAHAGIAN 4 : PERKHIDMATAN MINUMAN</b> <i>PART 4 : BEVERAGE SERVICES</i>	
<b>4.1 Perangkaan utama perkhidmatan minuman mengikut industri, 2010</b> <i>Principal statistics of beverage services by industry, 2010</i>	81
<b>4.2 Perangkaan utama perkhidmatan minuman mengikut negeri, 2010</b> <i>Principal statistics of beverage services by state, 2010</i>	82

	<b>Muka Surat</b> <i>Page</i>
<b>4.3 Perangkaan utama perkhidmatan minuman mengikut taraf sah, 2010</b> <i>Principal statistics of beverage services by legal organisation, 2010</i>	83
<b>4.4 Perangkaan utama perkhidmatan minuman mengikut hak milik, 2010</b> <i>Principal statistics of beverage services by ownership, 2010</i>	84
<b>4.5 Perangkaan utama perkhidmatan minuman mengikut saiz output, 2010</b> <i>Principal statistics of beverage services by output size, 2010</i>	85
<b>4.6 Perangkaan utama perkhidmatan minuman mengikut saiz pekerja, 2010</b> <i>Principal statistics of beverage services by employment size, 2010</i>	86
<b>4.7 Perangkaan utama perkhidmatan minuman mengikut saiz harta tetap, 2010</b> <i>Principal statistics of beverage services by fixed assets size, 2010</i>	87
<b>4.8 Bilangan pekerja dan gaji &amp; upah dalam perkhidmatan minuman mengikut kategori pekerja, 2010</b> <i>Number of persons engaged and salaries &amp; wages in beverage services by category of workers, 2010</i>	88
<b>4.9 Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam perkhidmatan minuman, 2010</b> <i>Capital expenditure and value of fixed assets in event catering services, 2010</i>	89
<b>LAMPIRAN: Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0</b> <i>APPENDIX: Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0</i>	93



**RINGKASAN PENEMUAN**  
*SUMMARY FINDINGS*

**PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN**  
*FOOD AND BEVERAGE SERVICES*



## PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN

PENUNJUK UTAMA			
	2001	2010	Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (%)
Pertubuhan (bilangan)	82,325	145,320	6.5
Nilai output kasar (RM juta)	6,062	38,251	22.7
Nilai ditambah (RM juta)	2,694	16,848	22.6
Bilangan pekerja (bilangan)	332,169	680,855	8.3
Gaji & upah (RM juta)	1,486	5,035	14.5
Nilai harta tetap (RM juta)	1,914	4,046	8.7

### 1. PENDAHULUAN

Laporan ini membentangkan perangkaan bagi perkhidmatan makanan dan minuman yang merangkumi perkhidmatan makanan, perkhidmatan katering dan perkhidmatan minuman. Liputan ini tidak termasuk perkhidmatan makanan dan minuman yang bergerak, pasar tani dan pasar malam. Data yang dikumpul adalah berdasarkan tahun rujukan 2010 yang diliputi di bawah Banci Ekonomi 2011. Perbandingan penunjuk utama bagi tahun rujukan banci 2001 dan 2010 adalah seperti yang ditunjukkan di atas.


### 2. PRESTASI PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN

Berdasarkan keputusan banci, sejumlah 145,320 **pertubuhan** telah beroperasi di dalam perkhidmatan makanan dan minuman pada tahun 2010. Berbanding 82,325 pertubuhan yang direkodkan pada tahun 2001, kadar pertumbuhan tahunan dikompaun bagi subsektor ini adalah sebanyak 6.5 peratus. Perkhidmatan makanan mempunyai bilangan pertubuhan tertinggi sebanyak 118,277 pertubuhan atau 81.4 peratus, diikuti oleh perkhidmatan minuman, 14,660 pertubuhan atau 10.1 peratus dan perkhidmatan katering, 12,383 pertubuhan atau 8.5 peratus. Carta 2.1 menunjukkan peratus taburan penunjuk utama mengikut aktiviti dalam tahun 2010.

**Nilai output kasar** yang dijana pada tahun 2010 berjumlah RM38.3 bilion, meningkat sebanyak RM32.2 bilion berbanding pada tahun 2001. Keadaan ini menghasilkan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun sebanyak 22.7 peratus bagi tempoh yang dinyatakan. Perkhidmatan makanan merekodkan nilai output kasar yang tertinggi iaitu RM30.7 bilion atau 80.4 peratus, diikuti oleh perkhidmatan minuman, RM3.9 bilion atau 10.1 peratus dan perkhidmatan katering, RM3.6 bilion atau 9.5 peratus.

**Nilai ditambah** di dalam subsektor ini berjumlah RM16.8 bilion pada tahun 2010 berbanding RM2.7 bilion pada tahun 2001, mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun sebanyak 22.6 peratus. Dalam tempoh tersebut, perkhidmatan makanan merupakan penyumbang tertinggi nilai ditambah dengan catatan sebanyak RM13.4 bilion atau 79.6 peratus. Ini diikuti oleh perkhidmatan minuman, RM1.7 bilion atau 10.3 peratus.


**Carta 2.1: Peratus taburan penunjuk utama mengikut aktiviti, 2010**



**Nilai harta tetap** yang dimiliki meningkat kepada RM4.0 bilion, berbanding RM1.9 bilion pada tahun 2001. Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun di antara tahun 2001 dan 2010 adalah sebanyak 8.7 peratus. Pertubuhan yang terlibat dalam perkhidmatan makanan memiliki nilai harta tetap yang tertinggi iaitu sebanyak RM3.3 bilion atau 83.6 peratus, diikuti oleh perkhidmatan minuman, RM0.4 bilion atau 8.9 peratus.

**Bilangan pekerja** adalah seramai 680,855 orang, di mana 62.4 peratus atau 424,620 orang adalah merupakan pekerja bergaji sepenuh masa. Bilangan pemilik yang bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji adalah seramai 212,587 orang atau 31.2 peratus dan pekerja bergaji sambilan berjumlah 43,648 orang atau 6.4 peratus. Daripada jumlah pekerja bergaji sepenuh masa, pekerja am mencatatkan bilangan pekerja yang tertinggi dengan 348,271 orang atau 82.0 peratus (Carta 2.2). Dari segi bilangan pekerja mengikut jantina, pekerja wanita mendominasi perkhidmatan makanan dan minuman sebanyak 52.1 peratus, berbanding pekerja lelaki sebanyak 47.9 peratus.

**Carta 2.2: Jumlah pekerja mengikut kategori pekerja, 2010**



**Jumlah gaji & upah** yang telah dibayar adalah sebanyak RM5.0 bilion, mencatatkan 14.5 peratus kadar pertumbuhan tahunan dikompaun bagi dua banciaan. Perkhidmatan makanan merupakan penyumbang utama dengan rekod sebanyak RM4.0 bilion atau 79.6 peratus. Purata gaji setahun bagi setiap pekerja dalam perkhidmatan makanan dan minuman adalah sebanyak RM10,752. Purata gaji tahunan yang tertinggi direkodkan oleh perkhidmatan minuman sebanyak RM11,325, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

**Jadual 2.1: Gaji & upah dan purata gaji tahunan dalam perkhidmatan makanan dan minuman, 2010**

Aktiviti	Bilangan pekerja	(%)	Pekerja bergaji	(%)	Gaji & upah dibayar (RM juta)	(%)	Purata gaji setahun diterima setiap pekerja (RM)
Perkhidmatan makanan	542,952	79.7	368,150	78.6	4,008	79.6	10,886
Perkhidmatan catering	73,415	10.8	56,669	12.1	535	10.6	9,442
Perkhidmatan minuman	64,488	9.5	43,449	9.3	492	9.8	11,325
<b>Jumlah</b>	<b>680,855</b>	<b>100</b>	<b>468,268</b>	<b>100</b>	<b>5,035</b>	<b>100</b>	<b>10,752</b>

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.2, komponen utama perbelanjaan bagi pertubuhan makanan dan minuman adalah pembelian barangan, bahan dan perkhidmatan serta pembayaran gaji & upah. Kedua-dua kos komponen perbelanjaan ini menyumbang lebih kurang 70 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan untuk semua aktiviti. Kos utiliti seperti elektrik, air, bahan pembakar, pelincir dan gas menyumbang sebanyak 5 peratus.

**Jadual 2.2: Komponen utama perbelanjaan dalam perkhidmatan makanan dan minuman, 2010**

Komponen utama perbelanjaan	Aktiviti / syer (%)		
	Perkhidmatan makanan	Perkhidmatan katering	Perkhidmatan minuman
Pembelian barangan, bahan dan perkhidmatan	54.5	55.2	53.7
Gaji & upah dibayar	16.0	18.5	15.6
Lain-lain perbelanjaan operasi	8.8	6.9	8.3
Perbelanjaan bukan operasi	6.2	6.4	6.6
Utiliti	5.1	4.7	4.4

**Nota:**


**Lain-lain perbelanjaan operasi:** Termasuk perbelanjaan pengedaran, pemasaran, pentadbiran dan latihan kakitangan.

**Perbelanjaan bukan operasi:** Termasuk hutang lapuk dihapuskan dan peruntukan untuk hutang lapuk, kerugian daripada jualan/penilaian semula harta, kerugian pertukaran wang asing, kerugian sebelum cukai daripada transaksi luar biasa, dll.

### 3. PRESTASI MENGIKUT NEGERI

Dari segi **bilangan pertubuhan**, Selangor mempunyai bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 24,233 pertubuhan atau 16.7 peratus. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dan Johor dengan masing-masing mencatatkan sebanyak 15,801 pertubuhan atau 10.9 peratus dan 15,291 pertubuhan atau 10.5 peratus. Dirangkumkan dengan Perak, secara kumulatif empat negeri ini telah menyumbangkan separuh daripada bilangan pertubuhan dalam subsektor ini (Carta 3.1).

**Carta 3.1: Peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut negeri, 2010**




**Nota:**

**Negeri-negeri lain** merujuk kepada Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya.

Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan Johor memaparkan keadaan yang sama dalam peratus taburan mengikut **nilai output kasar** dan **nilai ditambah**. Tiga negeri iaitu Perlis, W.P. Putrajaya dan W.P. Labuan secara kumulatif menyumbangkan hanya 1.3 peratus kepada nilai output kasar dan 1.4 peratus kepada nilai ditambah (Carta 3.2).

**Carta 3.2: Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut negeri, 2010**



**Nota:**


Negeri-negeri lain merujuk kepada Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya.

## 4. PRESTASI MENGIKUT AKTIVITI


### 4.1 PERKHIDMATAN MAKANAN

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sejumlah 118,277 **pertubuhan** telah beroperasi dalam perkhidmatan makanan pada tahun 2010. Empat industri telah dikenal pasti berada di bawah perkhidmatan ini iaitu restoran dan restoran yang juga kelab malam; kafeteria/kantin; restoran makanan segera dan gerai makanan. Gerai makanan adalah tertinggi dari segi bilangan pertubuhan iaitu sebanyak 68,585 pertubuhan atau 58.0 peratus. Ini diikuti oleh restoran dan restoran yang juga kelab malam, 44,148 pertubuhan atau 37.3 peratus dan kafeteria/kantin, 3,923 pertubuhan atau 3.3 peratus (Carta 4.1).

**Carta 4.1 : Bilangan dan peratus pertubuhan bagi perkhidmatan makanan, 2010**



**Carta 4.2: Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah bagi perkhidmatan makanan, 2010**



Dari segi **nilai output kasar** dan **nilai ditambah**, restoran dan restoran yang juga kelab malam merupakan penyumbang tertinggi dengan masing-masing mencatatkan 57.9 peratus dan 58.4 peratus (Carta 4.2). Seterusnya adalah gerai makanan dan restoran makanan segera. Walaupun gerai makanan mempunyai bilangan pertubuhan tertinggi tetapi industri ini di kedudukan yang kedua dari segi sumbangan kepada nilai output kasar dan nilai ditambah.


**Bilangan pekerja** yang terlibat dalam aktiviti ini adalah seramai 542,952 orang. Daripada jumlah tersebut, 368,150 orang atau 67.8 peratus merupakan pekerja bergaji, sementara pemilik yang bekerja, rakan niaga aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji adalah seramai 174,802 orang atau 32.2 peratus.

**Jumlah gaji & upah** yang telah dibayar pada tahun 2010 adalah sebanyak RM4.0 bilion. Pekerja yang terlibat dalam restoran makanan segera menerima purata gaji tahunan sebanyak RM11,510, sementara pekerja yang terlibat dalam restoran dan restoran yang juga kelab malam memperoleh RM11,417 setahun (Jadual 4.1).

## 4.2 PERKHIDMATAN KATERING


Perkhidmatan katering merangkumi aktiviti katering makanan dan perkhidmatan makanan lain seperti kantin di sekolah, hospital dan kilang. Terdapat sejumlah 12,383 **pertubuhan** yang terlibat di dalam perkhidmatan katering ini (Carta 4.3). Perkhidmatan ini didominasi oleh aktiviti perkhidmatan makanan lain sebanyak 83.7 peratus atau 10,361 pertubuhan. Aktiviti perkhidmatan makanan lain menunjukkan corak yang sama dalam taburan peratusan bagi **nilai output kasar** dan **nilai ditambah** (Carta 4.4).

**Carta 4.3 : Bilangan dan peratus pertubuhan bagi perkhidmatan katering, 2010**



**Jumlah : 12,383 pertubuhan**

**Carta 4.4: Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah bagi perkhidmatan katering, 2010**



**Bilangan pekerja** yang terlibat dalam aktiviti ini adalah seramai 73,415 orang. Daripada jumlah ini, seramai 56,669 orang atau 77.2 peratus merupakan pekerja bergaji, sementara pemilik yang bekerja, rakan niaga aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji adalah seramai 16,746 orang atau 22.8 peratus.




**Jumlah gaji & upah** yang telah dibayar pada tahun 2010 adalah sebanyak RM0.5 bilion. Katering makanan menawarkan purata gaji tahunan yang lebih tinggi dengan nilai RM10,089 berbanding aktiviti perkhidmatan makanan lain sebanyak RM9,279 (Jadual 4.1).

## 4.3 PERKHIDMATAN MINUMAN


Tiga industri yang dikategorikan dalam perkhidmatan minuman adalah kedai kopi; tempat minuman lain seperti kiosk menjual minuman dan pub, bar, disko, *coffee house*, ruang koktel dan karaoke. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sebanyak 14,660 **pertubuhan** telah dikenal pasti beroperasi dalam perkhidmatan minuman ini (Carta 4.5). Kedai kopi merupakan penyumbang tertinggi dari segi bilangan pertubuhan sebanyak 51.5 peratus, **nilai output kasar**, 40.9 peratus dan **nilai ditambah**, 42.7 peratus (Carta 4.6).

**Carta 4.5: Bilangan dan peratus pertubuhan bagi perkhidmatan minuman, 2010**



**Jumlah : 14,660 pertubuhan**

**Carta 4.6: Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah bagi perkhidmatan minuman, 2010**



**Bilangan pekerja** yang terlibat dalam aktiviti ini adalah seramai 64,488 orang. Daripada jumlah ini, seramai 43,449 orang atau 67.4 peratus merupakan pekerja bergaji, sementara pemilik yang bekerja, rakan niaga aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji adalah seramai 21,039 orang atau 32.6 peratus.

Daripada keseluruhan industri dalam perkhidmatan makanan dan minuman, purata gaji tahunan bagi setiap pekerja yang ditawarkan oleh pub, bar, disko, *coffee house*, ruang koktel dan karaoke merupakan yang tertinggi dengan rekod sebanyak RM13,134 (Jadual 4.1).


**Jadual 4.1: Gaji & upah dan purata gaji tahunan dalam perkhidmatan makanan dan minuman mengikut industri, 2010**

Industri	Bilangan pekerja	%	Pekerja bergaji	%	Gaji & Upah dibayar (RM juta)	%	Purata gaji setahun diterima setiap pekerja (RM)
Restoran dan restoran yang juga kelab malam	282,449	41.5	222,109	47.4	2,536	50.4	11,417
Kafeteria/kantin	22,001	3.2	16,605	3.5	168	3.3	10,093
Restoran makanan segera	42,762	6.3	42,537	9.1	490	9.7	11,510
Gerai makanan	195,740	28.7	86,899	18.6	815	16.2	9,375
Katering makanan	14,420	2.1	11,405	2.4	115	2.3	10,089
Aktiviti perkhidmatan makanan lain	58,995	8.7	45,264	9.7	420	8.3	9,279
Pub, bar, disko, <i>coffee house</i> , ruang koktel dan karaoke	15,542	2.3	13,667	2.9	179	3.6	13,134
Kedai kopi	32,215	4.7	20,523	4.4	217	4.3	10,554
Tempat minuman lain yang tidak terkelas di mana-mana	16,731	2.5	9,259	2.0	96	1.9	10,366
<b>Jumlah</b>	<b>680,855</b>	<b>100.0</b>	<b>468,268</b>	<b>100.0</b>	<b>5,035</b>	<b>100.0</b>	<b>10,752</b>

## 5. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

**Pertubuhan milikan wanita** dalam subsektor ini adalah sebanyak 37.2 peratus pada tahun 2010. Selangor mempunyai bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 11.5 peratus, diikuti oleh Kelantan, 9.7 peratus dan Perak, 9.5 peratus. Sementara itu, tiga negeri iaitu Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya secara kumulatif menyumbangkan hanya 1.8 peratus pertubuhan sahaja (Carta 5.1).

**Carta 5.1: Peratus taburan pertubuhan milikan wanita mengikut negeri, 2010**




**Bilangan pertubuhan : 54,068**

**Nota:**

**Negeri-negeri lain** merujuk kepada Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya.

Berdasarkan keputusan banci, adalah diperhatikan juga bahawa pertubuhan milikan wanita telah mendominasi aktiviti gerai makanan sebanyak 56.3 peratus, diikuti oleh restoran dan restoran yang juga kelab malam, 21.7 peratus. Seterusnya adalah aktiviti perkhidmatan makanan lain seperti kantin di sekolah, hospital dan kilang sebanyak 9.6 peratus. Restoran makanan segera adalah yang terendah dengan catatan sebanyak 0.2 peratus (Carta 5.2).

**Carta 5.2: Peratus taburan pertubuhan milikan wanita mengikut industri, 2010**



**Nota:**

**Definisi pertubuhan milikan wanita**

- a) 51 peratus dan ke atas pemilikan ekuiti dipegang oleh wanita ATAU
- b) Pengarah Urusan atau Ketua Pengarah Eksekutif adalah wanita yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.



## FOOD AND BEVERAGE SERVICES

KEY INDICATORS			
	2001	2010	Compounding annual growth rate (%)
Establishments (number)	82,325	145,320	6.5
Value of gross output (RM million)	6,062	38,251	22.7
Value added (RM million)	2,694	16,848	22.6
Total employment (number)	332,169	680,855	8.3
Salaries & wages (RM million)	1,486	5,035	14.5
Value of fixed assets (RM million)	1,914	4,046	8.7

### 1. INTRODUCTION

This report presents statistics on food and beverage services which encompasses food services, event catering services and beverage services. This coverage excludes mobile food and beverage services, night and farmer markets. Data compiled were based on reference year 2010 canvassed under the Economic Census 2011. Comparative key indicators for the censuses of reference years 2001 and 2010 are shown above.


### 2. PERFORMANCE OF FOOD AND BEVERAGE SERVICES

Based on the census results, a total of 145,320 **establishments** were operated in the food and beverage services in 2010. As compared to 2001 which registered 82,325 establishments, the compounding annual growth rate of this sub-sector was 6.5 per cent. Food services had the highest number of establishments with 118,277 or 81.4 per cent, followed by beverage services, 14,660 establishments or 10.1 per cent and event catering services, 12,383 establishments or 8.5 per cent. Chart 2.1 shows the percentage distribution of the key indicators by activities in 2010.

**Value of gross output** generated in 2010 was RM38.3 billion, which was an increase of RM32.2 billion compared to 2001. This translates to a compounding annual growth rate of 22.7 per cent for the period under review. Food services recorded the highest value of gross output, RM30.7 billion or 80.4 per cent, followed by beverage services, RM3.9 billion or 10.1 per cent and event catering services the remaining RM3.6 billion or 9.5 per cent.

**Value added** amounted to RM16.8 billion in 2010 as compared with RM2.7 billion in 2001, posting a compounding annual growth rate of 22.6 per cent. During this period, value added for food services was the highest contributor with RM13.4 billion or 79.6 per cent. This was followed by beverage services with RM1.7 billion or 10.3 per cent.


**Chart 2.1: Percentage distribution of key indicators by activities, 2010**



**Value of fixed assets** owned rose to RM4.0 billion, as compared with RM1.9 billion in 2001. The compounding annual growth rate registered between 2001 and 2010 was 8.7 per cent. Establishments engaged in food services owned the highest value of fixed assets with RM3.3 billion or 83.6 per cent, followed by beverage services, RM0.4 billion or 8.9 per cent.

**Total number of persons engaged** was 680,855 persons, of which 62.4 per cent or 424,620 persons were paid full-time employees. The number of working proprietors, active business partners and unpaid family workers was 212,587 persons or 31.2 per cent and paid part-time employees, 43,648 persons or 6.4 per cent. Out of the total number of paid full-time employees, general workers constituted the highest number, 348,271 persons or 82.0 per cent (Chart 2.2). In terms of number of persons engaged by gender, female workers dominated the food and beverage services with 52.1 per cent, as compared to male workers, 47.9 per cent.

**Chart 2.2: Total number of persons engaged by category of workers, 2010**



**Total salaries & wages** disbursed was RM5.0 billion, registering a 14.5 per cent compounding annual growth rate over the two censuses. Food services spent the most with RM4.0 billion or 79.6 per cent. The average annual salary per employee in the food and beverage services was RM10,752. The highest average annual salary was recorded in the beverage services RM11,325, as shown in Table 2.1.

**Table 2.1: Salaries & wages and average annual salary in food and beverage services, 2010**

Activities	Number of persons engaged	(%)	Paid employees	(%)	Salaries & wages paid (RM million)	(%)	Average annual salary per employee (RM)
Food services	542,952	79.7	368,150	78.6	4,008	79.6	10,886
Event catering services	73,415	10.8	56,669	12.1	535	10.6	9,442
Beverage services	64,488	9.5	43,449	9.3	492	9.8	11,325
<b>Total</b>	<b>680,855</b>	<b>100</b>	<b>468,268</b>	<b>100</b>	<b>5,035</b>	<b>100</b>	<b>10,752</b>

As shown in Table 2.2, the main components of expenditure of food and beverage establishments was the purchase of goods, materials and services and salaries & wages paid. These two cost items accounted about 70 per cent of the total expenditure in all activities. Utility costs such as electricity, water, fuels, lubricants and gas accounted about 5 per cent.

**Table 2.2: Main components of expenditure in food and beverage services, 2010**

Main components of expenditure	Activities / share (%)		
	Food services	Event catering services	Beverage services
Purchase of goods, materials and services	54.5	55.2	53.7
Salaries & wages paid	16.0	18.5	15.6
Other operating expenditure	8.8	6.9	8.3
Non-operating expenditure	6.2	6.4	6.6
Utilities	5.1	4.7	4.4

**Notation:**


**Other operating expenditure:** Includes distribution, marketing, administrative and staff training expenses, etc.

**Non-operating expenditure:** Includes bad debts written off and provision for bad debts, loss on sale/revaluation of assets, loss on foreign exchange, loss before tax from extraordinary transactions, etc.

### 3. PERFORMANCE BY STATE

In terms of **number of establishments**, Selangor had the highest with 24,233 establishments or 16.7 per cent. This was followed by W.P. Kuala Lumpur and Johor which accounted for 15,801 establishments or 10.9 per cent and 15,291 establishments or 10.5 per cent respectively. Together with Perak, these four states cumulatively accounted for about half of the establishments in this sub-sector (Chart 3.1).

**Chart 3.1: Percentage distribution of number of establishments by state, 2010**




**Notation:**

**Other states** refer to Perlis, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya.



Selangor, W.P. Kuala Lumpur and Johor portrayed a similar pattern in the percentage distribution by **value of gross output** and **value added**. The three states of Perlis, W.P. Putrajaya and W.P. Labuan cumulatively contributed only 1.3 per cent to value of gross output and 1.4 per cent to value added (Chart 3.2).

**Chart 3.2: Percentage distribution of value of gross output and value added by state, 2010**



**Notation:**


**Other states** refer to Perlis, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya.

## 4. PERFORMANCE BY ACTIVITIES

### 4.1 FOOD SERVICES


As mentioned before, a total of 118,277 **establishments** were operating in food services in 2010. Four industries identified under this service are restaurants and restaurants cum night clubs; cafeterias/canteens; fast-food restaurants and food stalls. Food stalls top in terms of number of establishments accounting for 68,585 establishments or 58.0 per cent. This was followed by restaurants and restaurants cum night clubs, 44,148 establishments or 37.3 per cent and cafeterias/canteens 3,923 establishments or 3.3 per cent (Chart 4.1).

**Chart 4.1: Number and percentage of establishments in food services, 2010**



**Total : 118,277 establishments**

**Chart 4.2: Percentage distribution of value of gross output and value added of food services, 2010**



In terms of **value of gross output** and **value added**, restaurants and restaurants cum night clubs was the top contributor, with 57.9 per cent and 58.4 per cent respectively (Chart 4.2). Food stalls and fast-food restaurants were next. It is noted that while food stalls was the highest in terms of number of establishments, it ranked second in terms of value of gross output and value added.


**Total number of persons engaged** in this activity was 542,952 persons. Out of this, 368,150 persons or 67.8 per cent were paid employees, while working proprietors, active business partners and unpaid family workers was 174,802 persons or 32.2 per cent.

**Total salaries & wages** paid in 2010 amounted to RM4.0 billion. Employees in fast-food restaurants received an average annual salary of RM11,510, while employees in restaurants and restaurants cum night clubs earned RM11,417 per annum (Table 4.1).

## 4.2 EVENT CATERING SERVICES


Event catering services encompasses event/food caterers and other food service activities such as canteens in schools, hospitals and factories. There were 12,383 **establishments** operating in event catering services (Chart 4.3). This service was dominated by other food service activities with 83.7 per cent or 10,361 establishments. Other food service activities showed a similar pattern in the percentage distribution by **value of gross output** and **value added** (Chart 4.4).

**Chart 4.3 : Number and percentage of establishments in event catering services, 2010**



**Total : 12,383 establishments**

**Chart 4.4: Percentage distribution of value of gross output and value added of event catering services, 2010**




**Total number of persons engaged** in this activity was 73,415 persons. Out of this, 56,669 persons or 77.2 per cent were paid employees, while working proprietors, active business partners and unpaid family workers were 16,746 persons or 22.8 per cent.

**Total salaries & wages** paid in 2010 amounted to RM0.5 billion. Employees in event/food caterers received the highest average annual salary, RM10,089 compared to other food service activities, RM9,279 (Table 4.1).


### 4.3 BEVERAGE SERVICES

Three industries categorised in the beverage services are coffee shops; other drinking places such as kiosk selling drinks and pubs, bars, discotheques, coffee houses, cocktail lounges and karaoke. As mentioned earlier, 14,660 **establishments** were operating in beverage services (Chart 4.5). Coffee shops was the top contributor to the number of establishments with 51.5 per cent, **value of gross output**, 40.9 per cent and **value added**, 42.7 per cent (Chart 4.6).

**Chart 4.5: Number and percentage of establishments in beverage services, 2010**



**Chart 4.6: Percentage distribution of value of gross output and value added of beverage services, 2010**



**Total number of persons engaged** in this service was 64,488 persons. Out of this, 43,449 persons or 67.4 per cent were paid employees, while working proprietors, active business partners and unpaid family workers was 21,039 persons or 32.6 per cent.

Among all the industries in the food and beverage services, the average annual salary per employee engaged by pubs, bars, discotheques, coffee houses, cocktail lounges and karaoke was the highest at RM13,134 (Table 4.1).


**Table 4.1: Salaries & wages and average annual salary in food and beverage services by industry, 2010**

Industry	Number of persons engaged	%	Paid employees	%	Salaries & wages paid (RM million)	%	Average annual salary per employee (RM)
Restaurants and restaurants cum night clubs	282,449	41.5	222,109	47.4	2,536	50.4	11,417
Cafeterias/canteens	22,001	3.2	16,605	3.5	168	3.3	10,093
Fast-food restaurants	42,762	6.3	42,537	9.1	490	9.7	11,510
Food stalls	195,740	28.7	86,899	18.6	815	16.2	9,375
Event/food caterers	14,420	2.1	11,405	2.4	115	2.3	10,089
Other food service activities	58,995	8.7	45,264	9.7	420	8.3	9,279
Pubs, bars, discotheques, coffee houses, cocktail lounges and karaoke	15,542	2.3	13,667	2.9	179	3.6	13,134
Coffee shops	32,215	4.7	20,523	4.4	217	4.3	10,554
Other drinking places n.e.c.	16,731	2.5	9,259	2.0	96	1.9	10,366
<b>Total</b>	<b>680,855</b>	<b>100.0</b>	<b>468,268</b>	<b>100.0</b>	<b>5,035</b>	<b>100.0</b>	<b>10,752</b>

## 5. WOMAN-OWNED ESTABLISHMENTS

**Woman-owned establishments** in this sub-sector was 37.2 per cent in 2010. Selangor had the highest number with 11.5 per cent, followed by Kelantan, 9.7 per cent and Perak 9.5 per cent. Meanwhile, the three states of Perlis, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya cumulatively contributed only 1.8 per cent of such establishments (Chart 5.1).

**Chart 5.1: Percentage distribution of woman-owned establishments by state, 2010**




**Number of establishments : 54,068**

**Notation:**

**Other states** refer to Perlis, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya.

From the census results, it was also noted that woman-owned establishments dominated in food stalls with 56.3 per cent, followed by restaurants and restaurants cum night clubs, 21.7 per cent. Next was other food service activities such as canteens in schools, hospitals and factories with 9.6 per cent. Fast-food restaurants was the lowest with 0.2 per cent (Chart 5.2).

**Chart 5.2: Percentage distribution of woman-owned establishments by industry, 2010**



**Notation:**

**Definition of woman-owned establishment**

- a) 51 per cent and above of the equity held by a woman/women OR
- b) The Managing Director or Chief Executive Officer is a woman that owns at least 10 per cent of the equity.



**NOTA TEKNIKAL**  
*TECHNICAL NOTES*





- Pendahuluan** Laporan ini memuatkan data perkhidmatan makanan dan minuman bagi tahun rujukan 2010. Data tersebut dikumpul dan disusun daripada Banci Ekonomi yang dilaksanakan pada tahun 2011.
- Objektif** Objektif utama Banci ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan pertumbuhan, struktur, profil dan perangkaan utama bagi subsektor ini untuk membantu kerajaan dalam perancangan pembangunan dan penggubalan dasar. Data yang diperolehi digunakan dalam penyusunan akaun negara, jadual input output, indeks perkhidmatan dan kajian tertentu. Maklumat tersebut juga digunakan oleh ahli ekonomi, ahli akademik dan pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat unjuran dan analisis ekonomi.
- Kuasa perundangan** Banci ini dilaksanakan di bawah **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. Seksyen 5 di bawah akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah **sulit** dan hanya angka agregat diterbitkan.
- Skop dan liputan** Banci ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman yang merangkumi perkhidmatan makanan, perkhidmatan katering dan perkhidmatan minuman di seluruh Malaysia.
- Konsep dan definisi** Definisi perkhidmatan makanan dan minuman yang diguna pakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0.

### **Perkhidmatan makanan dan minuman**

Bahagian ini termasuk perkhidmatan makanan dan minuman yang menyediakan hidangan atau minuman lengkap untuk penggunaan segera, sama ada di restoran tradisional, restoran layan-diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal atau sementara, dengan atau tiada kemudahan tempat duduk. Hidangan yang dibekalkan untuk penggunaan segera adalah faktor yang diambil kira dan bukannya jenis kemudahan untuk menyediakan hidangan tersebut.

#### **i. Perkhidmatan makanan**

Kumpulan ini termasuk penyediaan perkhidmatan makanan untuk pelanggan, sama ada dilayan semasa duduk atau layan diri di tempat paparan item, sama ada menjamu hidangan yang disediakan di premis tersebut, dibawa keluar atau dihantar. Termasuk perkhidmatan restoran dan restoran yang juga kelab malam; perkhidmatan kafeteria/kantin; perkhidmatan restoran makanan segera dan perkhidmatan gerai makanan.

## ii. Perkhidmatan catering

Kumpulan ini termasuk catering atau secara spesifik ditentukan tempoh masa dan operasi konsesi makanan, seperti acara sukan dan seumpamanya. Termasuk perkhidmatan catering makanan dan aktiviti perkhidmatan makanan lain seperti kantin di sekolah, hospital dan kilang.

## iii. Perkhidmatan minuman

Kumpulan ini termasuk penyediaan dan layanan minuman untuk penggunaan segera di dalam premis. Termasuk perkhidmatan pub, bar, disko, *coffee house*, ruang koktel dan karaoke; perkhidmatan kedai kopi dan perkhidmatan tempat minuman lain t.t.t.l.

### Tahun Banci

Tahun banci merujuk kepada tahun pelaksanaan banci.

### Tahun rujukan

Tahun rujukan bagi banci ini adalah tahun takwim 2010. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sebahagian besar daripada tahun rujukan.

### Metodologi

Banci ini dilaksanakan secara '*area listing*'. Maklumat yang diperlukan telah dipungut melalui penghitungan luar. Responden ditemuramah secara terus oleh pegawai luar yang terlibat.

### Unit melapor

Banci ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pertubuhan. Pertubuhan ditakrifkan sebagai "satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat/lokasi fizikal". Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berbeza berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Bagi pertubuhan yang menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza. Oleh itu, setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai pelbagai cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktisnya, akaun biasanya disediakan secara berpusat yang sukar untuk diasingkan mengikut unit atau cawangan. Entiti atau enterpris berkenaan dianggap sebagai satu pertubuhan dan dibenarkan menghantar satu borang soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangan.

Hanya **pertubuhan yang beroperasi di lokasi yang tetap** sahaja akan diliputi di dalam banci ini. Struktur yang akan diliputi ialah:

i. **Restoran dan kedai**

Struktur tertutup yang digunakan untuk urusan perniagaan biasanya dalam kawasan bangunan; dan boleh dikunci keseluruhannya untuk menyimpan barangan dan peralatan.

ii. **Gerai**

Struktur tetap yang boleh didapati di dalam bangunan, di sepanjang jalan raya, lorong dan sebagainya; barangan dan peralatan biasanya disimpan di dalam almari atau laci yang dikunci.

iii. **Pejabat**

Di mana segala urusan perniagaan dikendalikan contoh: Pejabat urusan bagi pertubuhan francais.

**Pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai ciri-ciri berikut tidak disenaraikan:**

- i. gerai-gerai "*collapsible*" (misalnya yang mempunyai bumbung kanvas atau mempunyai kaunter yang diperbuat daripada kotak-kotak atau tong-tong) kecuali jika ianya terletak di suatu tempat yang tetap;
- ii. gerai-gerai bergerak (misalnya basikal, van, kereta tolak dan lain-lain) kecuali jika ianya terletak di suatu tempat yang tetap;
- iii. gerai-gerai yang diwujudkan sementara semasa musim perayaan atau peristiwa-peristiwa lain;
- iv. pasar malam dan pasar tani, pasar tamu (Sabah dan Sarawak).

**Jenis aktiviti perniagaan**

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau yang memberikan sumbangan besar dari segi pendapatan. Klasifikasi industri pertubuhan dibuat berdasarkan aktiviti utama dan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0. MSIC 2008 Ver. 1.0 yang diguna pakai adalah selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan pengubahsuaian untuk keperluan tempatan.

## Taraf sah

Taraf sah sesebuah pertubuhan ditakrifkan seperti berikut:

### (i) Hak milik perseorangan

Ia merujuk kepada perniagaan yang dimiliki oleh orang perseorangan dan dijalankan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Pemilik mempunyai hak mutlak untuk mengendalikan urusan pertubuhannya.

### (ii) Perkongsian

Merujuk kepada sekumpulan individu yang telah bersetuju untuk mengikat kontrak dan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mendapat keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh semua atau salah seorang daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Perkongsian perniagaan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang.

### (iii) Syarikat sendirian berhad

Merujuk kepada sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup oleh pemegang-pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat. Ia didaftarkan dengan tanggungan berhad. Sesebuah syarikat sendirian berhad mempunyai Memorandum dan Artikel Persatuan sendiri, yang antara lain:

- (a) Menghadkan hak untuk memindahkan sahamnya;
- (b) Menghadkan bilangan pemegang sahamnya di antara dua hingga lima puluh orang (tidak termasuk pekerja syarikat itu dan bekas pekerja yang masih menjadi ahli);
- (c) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai untuk membeli apa-apa saham atau debentur syarikat itu; dan
- (d) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai supaya menyimpan wang di syarikat itu bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan ataupun untuk dibayar bila dituntut, sama ada dengan faedah atau tidak.

### (iv) Syarikat awam berhad

Syarikat awam berhad juga merupakan sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan, dengan tanggungan berhad, oleh sekurang-kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas. Syarikat tersebut dianggap sebagai entiti yang sah dan ditubuhkan mengikut Memorandum dan Artikel Persatuan.

**(v) Koperasi**

Ia merujuk kepada sesebuah persatuan sukarela yang bilangan ahlinya tidak terhad dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahlinya.

**(vi) Perbadanan awam**

Ia merujuk kepada sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Khas Parlimen atau Dewan Perundangan Negeri.

**vii) Pertubuhan persendirian tidak mencari keuntungan**

Ia merujuk kepada syarikat tanpa saham yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad. Kebanyakan syarikat ini terdiri daripada pertubuhan kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, rekreasi dan pertubuhan yang memberikan perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan kepada isi rumah. Perkhidmatan diberikan secara percuma atau pada harga yang tidak melebihi kos perkhidmatan (subsidi). Sebarang keuntungan yang diperolehi dilabur semula ke dalam pertubuhan berkenaan.

**(viii) Lain-lain**

Ia merujuk kepada semua pertubuhan lain yang tidak termasuk di mana-mana kategori yang tersebut di atas.

**Hak milik**

Struktur hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/pemilik-pemilik modal berbayar terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka. Dalam kes di mana setiap pihak (Residen Malaysia dan Bukan Residen Malaysia) memegang bilangan saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan, maka pertubuhan tersebut telah dikelaskan di bawah 'Hak Milik Bersama'.

Residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan dan perbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai Residen Malaysia.

Bukan Residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara lain selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik residen Malaysia di luar negara dianggap sebagai Bukan Residen Malaysia.

**Jumlah pekerja**

